

Media item

Full Text

Usaha berterusan tangani isu kos sara hidup rakyat

Berita Harian, Malaysia by Saadiah Ismail

11 Dec 2021

Nasional - Page 0 - 518 words - ID my0046338758 - Photo: No - Type: -

Size: 415.00cm²

Usaha berterusan tangani isu kos sara hidup rakyat Oleh Saadiah Ismail saadiah_ismail@bh.com.my NACCOL, kementerian bincang lapan kertas tindakan perspektif makro Kuala Lumpur: Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bergembleng dengan beberapa kementerian untuk memastikan usaha menangani isu kos sara hidup rakyat terus diperbaiki. Untuk itu, lapan kertas tindakan merangkumi perspektif makro seperti senario permintaan di peringkat dunia dan domestik dalam sektor tenaga, bahan mentah bagi sektor pertanian dan pembinaan, jaringan logistik terutama peningkatan dalam kos perkapalan serta sektor guna tenaga dalam sektor perladangan dan pertanian dibincangkan. Pengarah Sekretariat NACCOL, Atan Sopian, berkata mesyuarat khas sebelum ini juga bersetuju supaya 41 inisiatif dengan peruntukan RM14.32 bilion di bawah Bajet 2022 dipantau dan dilaporkan terus kepada NACCOL di peringkat eksekutif yang dipengerusikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta peringkat NACCOL yang dipengerusikan Perdana Menteri. "Justeru tindakan segera perlu dilakukan oleh setiap kementerian dan agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan selain tindakan sederhana dan jangka panjang yang turut diperhalusi. Ketua Setiausaha KPDNHEP juga akan segera mengadakan mesyuarat peringkat teknikal bagi membincangkan isu kos sara hidup membabitkan rentas agensi," katanya kepada BH, semalam. Semalam, Mesyuarat Khas NACCOL yang dipengerusikan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bersetuju lima tindakan dilaksanakan, antaranya pemanjangan Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak sehingga Mac 2022 dengan kos RM150 juta dan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) dengan kos RM100 juta di 222 kawasan Parlimen. Atan berkata, NACCOL yang diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga akan melihat semula semua rantai bekalan termasuk bahan yang diimport, produktiviti ladang, skala ekonomi dan simpanan stok. Selain itu, katanya, kos logistik seperti pengangkutan, guna tenaga terutama pekerja asing serta sokongan fiskal, iaitu pinjaman, moratorium, struktur cukai dan nilai ringgit. "Ia meliputi keseluruhan rantai bekalan dari pengeluar kepada pemborong dan peruncit hingga pengguna. Pada masa sama, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga perhebatkan penyelidikan dalam teknologi makanan serta pertanian. "Ia sesuai dengan usaha digitalisasi kerajaan dan Revolusi Industri (IR4.0) ke arah pertumbuhan yang mampan," katanya. Sementara itu, Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berpendapat lima tindakan yang dinyatakan itu mempunyai impak positif walaupun bersifat jangka pendek dan kerajaan perlu memikirkan penyelesaian untuk jangka panjang supaya isu tidak berulang. "Langkah diambil ini berlaku di luar waktu perayaan dan jika masalah rantai bekalan berterusan, harga komoditi kekal tinggi atau situasi tidak menentu akibat varian baharu COVID-19, ini akan mengganggu langkah pemulihan. "Justeru, langkah seperti Dasar Agro Makanan 2.0 boleh terus dilaksanakan yang mana ia boleh mengurangkan kebergantungan kepada makanan import dengan meningkatkan hasil pertanian negara. Pemantauan dan pelaporan itu juga boleh dijadikan budaya. Justeru tindakan segera perlu dilakukan oleh setiap kementerian dan agensi kerajaan dipertanggungjawabkan selain tindakan sederhana dan jangka panjang yang turut diperhalusi. Atan Sopian, Pengarah Sekreter NACCOL supaya ketirisan perbelanjaan dapat ditangani, impaknya boleh dirasai untuk jangka panjang," katanya. Pemangku Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd Effendy Abdul Ghani, berkata langkah dilaksanakan kerajaan secara tidak langsung dapat mengawal kos barangan daripada menjulang naik, disokong penguatkuasaan dan pemantauan berkala supaya peniaga dan pengguna tahu apa sebenarnya masalah yang

berlaku."Perkara ini akan beri kesan kepada semua yang terbabit dalam rantai makanan dan sebarang masalah akan dapat diperhalusi," katanya.riat

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.